

Tiada guna lagi bahas TPPA di Parlimen, kata MTEM
The Malaysian Insider
Oct 6, 2015
Oleh Md Izwan

Badan ekonomi Melayu hari ini membidas Putrajaya disebabkan termeterainya rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) semalam dan menyifatkan tidak berguna untuk dibahas di Parlimen kerana ia tidak akan mengubah apa-apa dalam perjanjian kontroversi tersebut.

Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) berkata, dengan TPPA selesai dirumuskan, ia bermakna kerajaan tidak lagi boleh membuat perubahan dalam perjanjian kontroversi tersebut.

"Ia belum ditandatangani lagi tapi rundingan bertulis dan kandungan sudah dirumuskan.

"Ia bermakna tidak ada lagi perubahan boleh dibuat dalam perjanjian bertulis TPPA, sama ada Parlimen Malaysia bersetuju atau tidak dengannya," kata Ketua Pegawai Eksekutif Mohd Nizam Mashar kepada The Malaysian Insider.

Nizam membidas janji kosong Putrajaya yang berkata isu TPPA akan dibahas di Parlimen, tetapi sebaliknya yang berlaku kerajaan sudah merumuskan perjanjian dengan Amerika Syarikat (AS) dan negara Asia Pasifik lain.

"Apa yang dijanjikan kepada kami adalah perbahasan di Parlimen, bukan kelulusan.

"Undang-undang Malaysia tidak perlu kelulusan untuk sebarang FTA (Perjanjian Perdagangan Antarabangsa) atau TPPA oleh kerajaan. Ia kuasa eksekutif," kata Nizam.

Sejurus memeterai TPPA semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed hari ini berkata butiran fleksibel diberikan kepada Malaysia termasuk tempoh peralihan lebih panjang dan layanan berbeza bagi perkara yang sensitif kepada negara.

"Saya ingin mengulangi sama ada Malaysia menjadi pihak atau sebaliknya kepada TPPA akan menjadi keputusan secara kolektif.

"Sebaik saja teks rasmi perjanjian siap dan disediakan, ia akan dibawa kepada pengetahuan umum dan dibentangkan di Parlimen untuk dibahas.

"Kita juga akan mengadakan perundingan penuh dengan pihak berkepentingan dan orang awam," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur malam tadi.

AS, Jepun dan 10 negara lain di rantau Asia Pasifik, termasuk Malaysia semalam mencipta sejarah apabila memeterai perjanjian bagi mengurangkan halangan perdagangan barangan dan perkhidmatan serta menetapkan peraturan komersial

dua per lima daripada ekonomi global. – 6 Oktober, 2015

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-guna-lagi-bahas-tpa-di-parlimen-kata-mtem>